

06 MAY 1998
Yong-Jawatan
KABINET SABAH SOKONG PILIHAN DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 6 Mei (Bernama) -- Kabinet Sabah akan memberi sokongan penuh kepada siapa sahaja yang dipilih oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Ketua Menteri yang baru.

Pendirian itu dicapai pada mesyuarat mingguannya hari ini, demikian diumumkan pada sidang berita oleh Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee yang akan melepaskan jawatan itu.

Ketika ditanya sama ada beliau telah diberitahu mengenai siapa penggantinya, Yong berkata: "Tunggulah saja persidangan berita Perdana Menteri esok."

Dr Mahathir dijadual berada di sini untuk menemui pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri berhubung pengganti Yong yang tempoh perkhidmatannya selama dua tahun sebagai Ketua Menteri akan tamat pada 28 Mei.

Mengikut sistem penggiliran bagi jawatan itu antara tiga masyarakat utama di Sabah, Ketua Menteri seterusnya adalah daripada kalangan Bumiputera bukan Islam.

Yong berkata semua wakil BN dalam Dewan Undangan Negeri dan Parlimen telah dijemput untuk mendengar nasihat Perdana Menteri.

"Apapun yang akan diumumkan, saya tidak berhak untuk berkata apa-apa hari ini, kita tunggu sehingga 5 petang esok di Shangri-la Tanjung Aru Resort. Jangan pula kamu tunggu di lapangan terbang, (nanti) habis (terlepas)," katanya.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Joseph Kurup dan Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar Negeri Tan Sri Bernard Dompok adalah dua tokoh yang disebut-sebut sebagai pengganti Yong.

-- BERNAMA
KG RHM MAI